



MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
MENARA MPKj
JALAN CEMPAKA PUTIH
OFF JALAN SEMENYIH
43000 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN

TELEFON : +603-8737 7899, +603-8737 1789
FAKS : +603-8737 7897, +603-8737 5975
HOTLINE : +603-8736 8017, +603-8733 5743
1-800-88-6755

selangorku

Ruj. Tuan : PWN.SEL.700-1/3/2 (8)

Ruj. Kam MPKj.1/AM/209 JLD.33 (..21..)....

Tarikh :17.....Zulhijjah 1442H....
27 Julai 2021

YB. Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan,
Perbendaharaan Negeri Selangor
Tingkat 2, 8 - 12,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40592 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
(Encik Zuhdi bin Mohd Zamli)

Tuan,

**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS
BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI
DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

Dengan hormatnya saya adalah diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan bertarikh 12 Julai 2021 serta percakapan melalui telefon di antara pegawai Majlis dengan pihak tuan pada 26 Julai 2021 adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dikemukakan maklum balas kepada input dan cadangan yang telah dibangkitkan semasa Sesi Libat Urus Belanjawan 2021 tersebut seperti di **Lampiran A**.


3. Sebarang pertanyaan/kemusykilan mengenainya, sila hubungi Puan Nabillah binti Ismail/Puan Siti Amirah binti Zakariah (samb. 3006/3007).

Perhatian dan kerjasama pihak tuan di dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menandatangani amanah,


(MOHD RAIZ BIN RADZUAN, AMS)
Timbalan Yang Dipertua
b.p : Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kajang. ✕
ZS/saz...

LAMPIRAN A

**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI BESAR
SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
		A. PENGURUSAN VAKSINASI DAN SARINGAN COVID-19	
2.	YB Banting	Sanitasi awam, ujian saringan atau pendaftaran vaksinasi fokus sektor perkilangan dan pembuatan, lebih bersasar dan fokus, kawasan perindustrian. Van dan Bas Selangorku, di setiap PBT boleh untuk digunakan bagi mempercepatkan pemberian vaksin di Kawasan pedalaman Selangor. Aset di GLC dan PBT digunakan sebagai pusat vaksinasi. Dicadangkan agar guru diberi suntikan vaksinasi bagi tujuan pembukaan semula sektor pendidikan.	2 buah Dewan Komuniti MPKj iaitu Dewan Komuniti Kajang Utama dan Dewan Komuniti Bandar Mahkota Cheras dijadikan sebagai CAC. 3 buah dewan iaitu Dewan Bandar Rinching , Dewan Komuniti Seksyen 7 Bandar Baru Bangi, Dewan Komuniti Kg Baru Balakong turut dijadikan pusat ujian calitan (swabtest) di bawah program Selcare. 2 buah Dewan Komuniti iaitu Dewan Komuniti Bukit Mewah dan Dewan Seri Cempaka dijadikan PPV. MPKj telah menyediakan perkhidmatan Bas Smart Selangor ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bermula pada 7hb Julai 2021 melibatkan PPV Bangi Avenue Convention Center, PPV Bangi Golf Resort dan PPV Kompleks Evo Bangi.

5.	YB Kuang	Program Vaksinasi di Peringkat Persekutuan menerusi <i>my sejahtera</i> adalah perlahan dan perlu dinilai semula terutama dari segi kaedah pendaftaran. Kerajaan Negeri menerusi setiap DUN perlu diletakkan pusat vaksinasi. Vaksinasi COVID-19 kepada penjawat awam perlu dipercepatkan supaya mereka boleh ke pejabat dengan kadar kehadiran yang lebih tinggi. Pusat Vaksin – Vaksinasi secara mobil. Pemberian vaksin rumah ke rumah untuk warga emas 60 tahun ke atas.	MPKj telah menyenaraikan nama pekerja yang belum menerima janji temu Vaksinasi dan telah dihantar ke urusetia SUK dan PKD Hulu Langat
6.	YB Dusun Tua	Perlu wujud banyak PPV dan PPV bergerak di PBT, supaya jarak tidak terlalu jauh untuk menerima vaksin, JKN boleh bekerjasama dengan MOSTI untuk percepatkan pemberian vaksin tanpa perlu daftar <i>my sejahtera</i>.	2 buah Dewan Komuniti MPKj iaitu Dewan Komuniti Kajang Utama dan Dewan Komuniti Bandar Mahkota Cheras dijadikan CAC. 2 buah Dewan Komuniti iaitu Dewan Komuniti Bukit Mewah dan Dewan Seri Cempaka diadakan PPV. 3 buah dewan iaitu Dewan Bandar Rinching , Dewan Komuniti Seksyen 7 Bandar Baru Bangi, Dewan Komuniti Kg Baru Balakong turut dijadikan pusat ujian calitan (swabtest) di bawah program Selcare.

13.	YB Sekinchan	Pemberian vaksin untuk semua tanpa mengira fahaman politik. Segerakan pemberian vaksin di PPV. PPV baru 5/7 dibuka berbanding klinik-klinik kecil sebelum ini.	MPKj telah menyenaraikan nama pekerja yang belum menerima janji temu Vaksinasi dan telah dihantar ke urusetia SUK dan PKD Hulu Langat.
-----	---------------------	--	--

LAMPIRAN A

**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI BESAR
SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
		C. PENGURUSAN EKONOMI/ KEWANGAN	
16.	YB Kuala Kubu Bharu	Batalkan 30% peruntukan ADUN untuk projek pembangunan supaya ADUN boleh gunakan untuk beli baja organik untuk rakyat bercucuk tanam dan pembelian tablet untuk pelajar.	Majlis telah mengemukakan permohonan bagi Program Jaminan Bekalan Makanan: Agro Bandar / Kebun Komuniti di bawah peruntukan Pakej Kita Selangor 2.0, kelolaan Jawatankuasa Tetap Infrastruktur Dan Kemudahan Awam, Pertanian & Perladangan Dan Industri Asas Tani. Permohonan melibatkan sebanyak enam (6) buah kebun komuniti yang aktif, komited dan berdaya saing di sekitar kawasan pentadbiran MPKj yang dicadangkan untuk menerima peruntukan berjumlah RM5,000.00 bagi setiap kebun komuniti yang merangkumi pembekalan secara <i>one-off</i> seperti racun serangga & perosak, baja organik, peralatan dan input pertanian yang lain.

			Enam (6) Kebun Komuniti tersebut adalah: 1) Kebun Komuniti Taman Harmoni, Balakong 2) Kebun Komuniti Taman Bukit Sungai Long, Kajang 3) Kebun Komuniti Desa Bunga Raya, Kajang 4) Kebun Komuniti S8 Prima, Seksyen 8, Bandar Baru Bangi 5) Kebun Komuniti Jalan 4/3, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi 6) Kebun Komuniti Fasa 4, Bandar Tasik Kesuma, Beranang Selain daripada itu, bantuan sumbangan baja kompos kelolaan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan MPKj juga dilakukan sepanjang tahun kepada persatuan penduduk, komuniti dan pihak sekolah yang mengusahakan laman sayuran atau kebun komuniti ini.
19.	YB Bangi (MP)	Program Digital Frontliner- usaha ini adalah bagi memberikan peluang pekerjaan kepada anak muda sebagai tenaga pengajar yang membantu SME Digitalization di Negeri Selangor. Anak muda yang terlibat turut dijadikan sebagai sukarelawan atau jentera Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kadar pendaftaran vaksin COVID 19 kepada mereka yang tidak arif berkenaan teknologi.	MPKj akan membantu dalam menyediakan sukarelawan yang terpilih. Pihak urusetia di SUK diminta untuk menyediakan bidang tugas (job scope) sukarelawan tersebut dan kebajikan mereka sekiranya sukarelawan tersebut dijangkiti virus covid-19

LAMPIRAN A

MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI BESAR
SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
		D. PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN	
8.	YB Shah Alam (MP)	Mencadangkan satu sesi libat urus dengan pihak pemain industri yang berkenaan bersama PBT bagi mendapatkan input berkaitan projek pembangunan untuk meminimumkan kesan negatif pandemik COVID-19.	Kerajaan Negeri Selangor telah melantik Pegawai Pelaburan di setiap PBT untuk membantu pemain industri dan isu-isu semasa di dalam pembangunan industri di Negeri Selangor. Pada masa kini pihak Majlis telah mengadakan sesi libat urus bersama dengan pemain industri yang di urusetiakan oleh Pegawai Pelaburan melalui mesyuarat seperti berikut : 1. Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) 2. Mesyuarat berkala dengan Persatuan-Persatuan Industri. 3. Perbincangan khusus dengan pemain industri berkaitan.

			Bagi mendapatkan input berkaitan projek pembangunan untuk meminimumkan kesan negatif pandemik COVID-19 Pihak Majlis juga bekerjasama baik dengan agensi/jabatan seperti berikut : 1. Invest Selangor Berhad, 2. Federation Of Malaysian Manufactures (FMM) (Selangor dan Kuala Lumpur Branch) 3. Malaysia Investment Development Authority (MIDA)
9.	YB Seri Setia	Isu penyelenggaraan jalan yang bertindih masih berlaku dan memberi kepada penduduk yang melibatkan pelbagai agensi seperti JKR, JPS dan PBT. Mewujudkan dan memperbayakkan kawasan gerai-gerai terancang untuk membantu penjaja kecil. Mempergiatkan lagi bantuan pemasangan CCTV.	MPKj telah memperuntukan lebih kurang sebanyak RM 8,020,604.27 menggunakan Akaun Amanah Caj Pemajuan bagi tujuan pembangunan cadangan pusat-pusat penjaja dan gerai-gerai terancang bagi membantu penjaja-penjaja kecil di kawasan Majlis Perbandaran Kajang. Antara projek yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut :- i. Pembinaan Tapak Laman Niaga Sungai Long Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan- RM 334,505.00 ii. Menaiktaraf Medan Sate Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan - RM 1,142,964.77 iii. Pembinaan Penempatan penjaja di zon penampian Bandar Mahkota Cheras, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan - RM 307,200.00 iv. Membina 12 Unit Gerai Di Kampung Sg. Kantan, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan - RM 180,320.00

			v. Tapak Laman Niaga Bandar Baru Bangi, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan - RM 2,255,614.50 vi. Membina Semula Gerai dan Medan Selera Sediada dan Membina Medan Niaga Komuniti 2 Tingkat Di Atas Lot 30004 dan 30005, Seksyen 16, Bandar Baru Bangi, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan - RM 3,800,000.00
12.	YB Klang (MP)	Kerajaan Negeri dicadangkan agar membina asrama untuk pekerja asing yang lengkap dan mematuhi SOP yang ditetapkan untuk mengelakkan penyebaran wabak COVID-19.	MPKj bekerjasama dengan Persatuan Pemilik Tanah Dan Pengusaha Kilang Kawasan Perindustrian Kg. Baru Balakong bercadang membina 1 blok Asrama Pekerja Asing setinggi 15 tingkat (600 unit) beserta kemudahan di lot 2072 Kawasan Perindustrian Kg Baru Balakong, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat. Status terkini – Perunding sedang menyediakan pelan dan dokumen untuk permohonan kebenaran merancang. Pihak Kerajaan Negeri dengan kerjasama MBSA juga sedang menyediakan garis panduan asrama pekerja. Sekiranya garis panduan tersebut telah diluluskan untuk digunapakai akan memudahkan lagi pihak yang berkepentingan untuk melaksanakannya.

32.	YB Dusun Tua	Banjir – Projek mendalamkan Sg Langat perlu dipercepatkan untuk mengelakkan banjir apabila musim tengkujuh. Tebatan Banjir - Jumlah peruntukan bagi perkara ini hanya untuk pelantikan perunding tetapi tidak dibajetkan untuk projek fizikal. Peruntukan bagi projek fizikal diperlukan untuk tahun hadapan. Lampu jalan dan perparitan di jalan negeri – Penyelenggaraan bagi lampu jalan dan perparitan perlu dilihat dengan teliti. Contoh parit di Jalan Sg Tekali yang tidak diselenggara. Bas Smart Selangor - Peruntukan perkara ini dimaklumkan di kecilkan, tetapi perkara ini perlu diteliti semula dengan melihat laluan yang perlu contohnya di rural area dan yang sukar di akses.	Merujuk Minit Mesyuarat Stanco Pengangkutan Bil 1/2021, berdasarkan keputusan MMKN ke 36/2019 bertarikh 12 Disember 2019 semua urusan perkhidmatan Bas Smart Selangor akan diberi tanggungjawab sepenuhnya kepada PBT secara berperingkat mengikut kemampuan semasa. MPKj akan mengkaji kesesuaian laluan bas Smart Selangor di kawasan luar bandar berdasarkan keperluan penduduk dan perkhidmatan bas sediada.
-----	---------------------	--	--

LAMPIRAN A

MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI BESAR
SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
		F. MENINGKATKAN KEUPAYAAN PETANI DAN NELAYAN	
4.	YB Lembah Jaya	Pertanian dalam bandar (Urban Farming) – menggunakan teknologi terkini tanaman dalam bandar sebagai pendapatan kepada warga Selangor.	MPKj mempunyai 15 Kebun Komuniti yang berdaftar dan diberi kebenaran penggunaan kawasan lapang yang tidak aktif kepada persatuan untuk diusahakan dan berkongsi hasil tanaman kebun bersama penduduk tempatan. Kebun Komuniti tersebut perlu menggunakan sistem penuaian air hujan dan baja kompos.
5.	YB Selayang (MP)	Pusat penyembelihan ayam di Selayang – Cadangan penukaran tanah dengan DBKL dan menggunakan tanah sedia ada sebagai pasar moden seperti yang ada di Negara Jepun.	

		Pertukaran kawasan pertanian kepada kediaman – mengadakan satu kawasan yang khusus bagi pertanian bagi jaminan bekalan makanan di Negeri Selangor.	Merujuk Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang Selangor 2035 (Penggantian) sebanyak 9,741.12 hektar tanah telah dizonkan sebagai kawasan pertanian iaitu 12.37% daripada keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis. Kawasan pertanian ini juga termasuk Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) sedia ada iaitu TKPM Batang Si (65 hektar) dan TKPM Semenyih (36 hektar) di Mukim Hulu Semenyih. Tapak TKPM Batang Si dan TKPM Semenyih dicadangkan perlu dikekalkan sebagai kawasan yang khusus aktiviti pertanian bagi jaminan bekalan makanan di Negeri Selangor dan dicadangkan tapak TKPM ini dibesarkan kerana kawasan sekitar masih lagi zon pertanian. Manakala cadangan kawasan khusus baru bagi aktiviti pertanian boleh dicadangkan di Mukim Hulu Langat seperti di kawasan Sungai Tekali, Dusun Tua, Pangsun, Sungai Lui dan Semungkis bagi jaminan bekalan makanan di Negeri Selangor.
--	--	---	--

7.	YB Pandan (MP)	Food Synergy- menggalakkan urban farming di kalangan komuniti yang boleh membekalkan sumber makanan sihat dan membuat program atas talian bagi berkongsi ilmu urban farming dan promosi.	MPKj akan membuat lawatan dan memberi khidmat nasihat melalui talian bersama persatuan yang mengusaha kebun komuniti. Sebanyak 22 buah kebun komuniti yang berdaftar dengan MPKj telah direkodkan (Rujuk Lampiran 1). Terdapat kebun komuniti yang ditubuhkan melalui Program <i>Local Agenda 21</i> (LA21) MPKj dan terdapat juga kebun komuniti di bawah inisiatif komuniti yang mengusahakan sendiri dengan kebenaran pihak MPKj. MPKj juga sedang giat mengenalpasti kebun haram yang diusahakan penduduk di kawasan lapang milik majlis untuk didaftarkan secara sah sebagai kebun komuniti berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Majlis.
----	-----------------------	--	---

LAMPIRAN A

**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI BESAR
SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
		G. PENGURUSAN ALAM SEKITAR	
6.	YB Seri Setia	Projek low carbon city dengan mencadangkan pemasangan alat tenaga solar di PBT, bangunan Kerajaan, masjid dan surau.	MPKj telah mengambil inisiatif berkerjasama dengan pihak swasta untuk cadangan pemasangan panel solar di Dewan Taman Tun Perak dan Dewan Sri Cempaka, Saujana Impian. MPKj dalam kajian kemungkinan untuk memperluaskan pemasangan panel solar di bangunan-bangunan bawah seliaan Majlis.
7.	YB Bangi (MP)	Insentif menggalakkan penggunaan teknologi jimat tenaga - Kerajaan Negeri memberikan insentif kepada peniaga dan pekilang yang menaiktaraf peralatan jimat tenaga.	MPKj mengadakan taklimat kesedaran program rendah karbon dan jimat tenaga dari semasa ke semasa. Selain itu, MPKj memberi sijil pengiktirafan dan hadiah kepada peniaga/pekilang yang menjalankan program rendah karbon dan jimat tenaga. MPKj mencadangkan Kerajaan Negeri memberi peruntukkan kepada PBT agar dapat memberi insentif pencukaian dan lesen perniagaan kepada pihak swasta yang melaksanakan inisiatif rendah karbon.

8.	YB Pandan	Memanafaat sisa pepejal melalui program recycle dan baja compose sisa bagi mengelakkan timbunan sampah sarap yang menyebabkan banjir kilat.	MPKj mempunyai satu Pusat Kompos di Seksyen 13, Bandar Baru Bangi bagi pemprosesan sisa dari pekedai dan gerai makanan untuk dijadikan baja kompos bagi pengagihan kegunaan kebun komunti yang berdaftar. MPKj telah meluluskan penggunaan caj pemajuan sebanyak RM500,000.00 untuk cadangan pembinaan satu Pusat Kitar Semula 3R di Taman Tasik Cempaka Bandar Baru Bangi untuk meningkatkan dan mempergiatkan program kitar semula/pengurusan sisa dalam kawasan pentadbiran Majlis.
----	------------------	--	---

LAMPIRAN A

**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI BESAR
SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
		I. MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT	
16.	YB Pandamaran	Bantuan kepada penjaja kecil Penyediaan kemudahan pengangkutan (Bas Smart Selangor) ke pusat vaksin.	MPKj telah menyediakan perkhidmatan Bas Smart Selangor ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bermula pada 7hb Julai 2021 melibatkan PPV Bangi Avenue Convention Center, PPV Bangi Golf Resort dan PPV Kompleks Evo Bangi.
18.	YB Sementa	Memobilisasi peserta vaksin ke pusat vaksin. Bantuan <i>One Off</i> kepada pengusaha dan guru taska. Bantuan RM500 dipanjangkan kepada orang kurang upaya yang berumur 18 tahun ke bawah. Moratorium kepada penyewa di rumah-rumah peserta Skim Smart Sewa	MPKj telah menyediakan perkhidmatan Bas Smart Selangor ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bermula pada 7hb Julai 2021 melibatkan PPV Bangi Avenue Convention Center, PPV Bangi Golf Resort dan PPV Kompleks Evo Bangi.

21.	YB Banting	Bantuan kepada sekolah-sekolah perlu dipercepatkan terutama peralatan bagi pembelajaran di rumah untuk golongan B40 khususnya. Penyediaan kemudahan PPV dengan menggunakan khidmat Bas Smart Selangor di Kawasan-kawasan perumahan (luar bandar).	MPKj telah menyediakan perkhidmatan Bas Smart Selangor memasuki kawasan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi memberi perkhidmatan percuma kepada penerima vaksin berdasarkan kesesuaian laluan dan berhampiran laluan perkhidmatan Bas Smart Selangor sediaada.
34.	YB Rawang	Jom shooping (baucar) – melibatkan kerjasama dengan kedai runcit dan SME supaya manfaat kepada kedai runcit ini. Subsidari RM20 untuk Rebat Pengangkutan - mohon Bas Smart Selangor digunakan untuk menghantar individu yang perlu ke PPV kerana subsidi grab RM20 tidak digunakan di kawasan sukar mendapatkan perkhidmatan e-hailing Mewujudkan program konsultansi berkaitan masalah kewangan – Kerajaan Negeri menyediakan financial kaunseling untuk sokongan rakyat Masalah kewangan JMB/MC Pangsapuri Rumah Kos Rendah – Pada masa ini menghadapi masalah kutipan daripada penduduk. Mohon kelonggaran menggunakan peruntukan SKIM Ceria untuk mengatasi masalah kewangan JMB/MC.	MPKj telah menyediakan perkhidmatan Bas Smart Selangor ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bermula pada 7hb Julai 2021 melibatkan PPV Bangi Avenue Convention Center, PPV Bangi Golf Resort dan PPV Kompleks Evo Bangi.

PENGESAHAN KETUA JABATAN


MOHD RAIZ BIN RADZUAN, AMS
 Timbalan Yang Dipertua
 b.p: Yang Dipertua
 Majlis Perbandaran Kajang

**SENARAI KEBUN KOMUNITI
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**

BIL	PERKARA
1	Kebun Komuniti Taman Bukit Sungai Long 3A, Kajang
2	Kebun Komuniti Jalan 1/1, Seksyen 1, Bandar Baru Bangi
3	Kawasan Tadahan, Jalan Sunway 1, Taman Sunway Cheras
4	Kebun Komuniti Jalan Pahlawan 4/3, Seksyen 3, Bandar Mahkota Cheras
5	Kebun Komuniti Taman Murni, Cheras
6	Kebun Komuniti S8 Prima, Seksyen 8, Bandar Baru Bangi
7	Kebun Komuniti Taman Harmoni, Balakong
8	Kebun Komuniti Jalan 4/3, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi
9	Kebun Komuniti Fasa 4, Bandar Tasik Kesuma, Beranang
10	Kebun Komuniti Desa Bunga Raya, Kajang
11	Kebun Komuniti Taman Impian Setia, Saujana Impian, Kajang
12	Kebun Komuniti KRT Taman Kajang Utama, Kajang
13	Kebun Komuniti Taman Impian Makmur, Saujana Impian, Kajang
14	Kebun Komuniti Jalan 6/5H, Seksyen 6, Bandar Rinching, Semenyih
15	Kebun Komuniti Zon Penampan Fasa 4, Bandar Tasik Kesuma, Beranang
16	Kebun Komuniti Pangsapuri Cempaka Sari, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi
17	Kebun Komuniti Taman Seri Bangi, Seksyen 8, Bandar Baru Bangi
18	Kebun Komuniti Surau As-Sobah, Seksyen 3, Bandar Baru Bangi
19	Kebun Komuniti Taman Muhibbah, Kajang
20	Kebun Komuniti Jalan 4/7M, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi
21	Kebun Komuniti Jalan 7/1A, Seksyen 7, Bandar Baru Bangi
22	Kebun Komuniti Jalan Ramal 2, Taman Sri Ramal, Kajang